

Pemupukan Nilai Budaya Bugis dalam kalangan Guru Bugis Membentuk Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Rintis

Cultivation of Buginese Culture Values Among Bugis Teachers Forming Moral Values Among Students: A Preliminary Study

*Asmiaty Amat
asmiaty@ums.edu.my

Norsuhaila Sulaiman
norsuhaila@ums.my

Abdul Hair Bedu Asis
khairasis@ums.edu.my

Norhuda Salleh
norhudasalleh@ums.edu.my

Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Published: 14 Februari 2024

To cite this article (APA): Amat, A., Sulaiman, N., Bedu Asis, A. H., & Salleh, N. (2024). Pemupukan Nilai Budaya Bugis dalam kalangan Guru Bugis Membentuk Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Rintis. *PENDETA*, 15(1), 27–38. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.3.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.3.2024>

ABSTRAK

Guru merupakan agen sosialisasi yang berperanan penting untuk membentuk keperibadian murid selain ibu bapa. Latar belakang dan budaya yang melingkari kehidupan guru menjadi asas kepada guru untuk mendidik murid melalui keperibadian mereka semasa berada di sekolah khususnya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Keperibadian mereka ini penting dalam memupuk karakter yang baik pada anak murid. Kajian ini dilakukan terhadap 186 orang guru etnik Bugis di beberapa buah sekolah di sekitar daerah Tawau dan Sandakan. Guru-guru Bugis dipilih kerana dalam budaya Bugis terdapat amalan budaya yang dikenali sebagai asas nilai yang diaplikasikan termasuklah *Assitinajang* (kepatutan), *Reso* (usaha), *Siri' Na Pacce/Pesse*, *Sipurepo'* (berat sama dipikul), *Assimellereng* (nilai kasih sayang) dan *Sipakatau* (nilai hormat menghormati). Guru-guru yang dipilih melibatkan guru-guru yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan yang dipilih secara rawak dengan menggunakan aplikasi *goggle form*. Analisis menunjukkan bahawa guru Bugis bersetuju bahawa penerapan budaya Bugis kepada pelajar amat penting dan mereka telah menerapkan budaya dalam menghubungkan nilai murni Bugis dari aspek verbal dan nonverbal. Ia memainkan peranan dalam mengintegrasikan murid tidak terhad semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sahaja tetapi turut meliputi aktiviti di luar bilik darjah. Selain itu, didapati budaya Bugis memiliki signifikan dengan nilai murni yang dilihat sesuai untuk diterapkan kepada murid dari sudut perlakuan.

Kata kunci: Bugis; Guru, murid; Budaya; Nilai murni

ABSTRACT

Teachers play a crucial role as socialization agents in shaping students personalities, apart from the role of parents. The background and culture of teachers form the basics for students education, especially during teaching and learning sessions in schools. This study was conducted on 186 Bugis ethnics teachers in several schools around Tawau and Sandakan districts. Bugis teachers were selected because Buginese culture has foundation values, including propriety, effort, shared burdens, compassion and respect. The selected teachers taught at secondary school, chosen randomly used the Google Form application. Analyzed of the study indicates that Bugis teachers believe in the importance of applying Buginese culture in shaping students moral values. They have implemented this culture verbally and non-verbally not only during teaching and learning sessions but also in extracurricular activities. The study also found that Buginese culture significantly influence the appropriate behavior of students.

Key words: Bugis; Teacher; Student; Cultue; Moral values.

PENDAHULUAN

Budaya sebagai sistem yang teratur tapi dinamik diamalkan masyarakat untuk menjamin kelangsungan hidup. Ia melibatkan sikap, nilai-nilai, keyakinan, norma dan perilaku yang disampaikan oleh kelompok namun dimiliki secara berbeza oleh kepelbagaiannya unit-unit dalam kelompok masyarakat (Arsela, Pohan, & Djuwita, 2013). Budaya dikomunikasikan, ditransformasi (ada kalanya) diturunkan dari satu generasi secara stabil walaupun ada kalanya melalui proses perubahan dari semasa ke semasa. Matsumoto dan Juang menjelaskan bahawa sikap seseorang dipengaruhi oleh faktor budaya. Individu dalam masyarakat berinteraksi dalam masyarakat akan berusaha memaparkan peribadi yang baik dan bertanggung jawab atau dengan kata lain memperlihatkan nilai budaya yang baik. Sifat tersebut menjadikan individu diterima oleh lingkungan sosialnya. Pergaulan dengan sesama manusia, diatur dalam pedoman bermasyarakat pada etnik Bugis khususnya pada guru-guru beretnik Bugis.

Sekolah merupakan institusi pendidikan yang mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran (Pdp). Pengajaran adalah proses yang melibatkan perancangan, pelaksanaan dan maklum balas manakala pembelajaran melibatkan aktiviti mental, fizikal atau rohani murid (Noraini Omar, et al, 2014). Menerusi pengajaran dan pembelajaran, ia memperlihatkan interaksi guru mengaplikasi kemahiran dan kaedah bagi membangunkan pengetahuan, sikap dan kemahiran terhadap murid. Guru berperanan sebagai individu yang banyak menghabiskan masa mereka di sekolah bersama murid berbanding ibu bapa. Menurut Mohd Fairuz etal. (2020), tugas guru-guru bukan hanya sekadar melaksanakan pengajaran malah mereka perlu memberi kata-kata semangat, sokongan dan motivasi supaya pelajar-pelajar sentiasa bersedia dalam memberi komitmen yang menyeluruh. Malah ketika negara dilanda pandemik, guru-guru yang melaksanakan pdp secara dalam talian turut menghadapi masalah kesediaan dankekangan kerana interaksi antara guru dan murid mengganggu kaedah penerapan hubungan kemanusiaan (Ugartini & Zamri, 2022). Oleh yang demikian, perbezaan latar belakang guru tidak menjadi kekangan dalam menjalankan tanggungjawab untuk membantu murid memahami dan menghayati nilai murni dalam kehidupan. Dalam konteks kajian ini, penelitian melibatkan guru-guru Bugis di sekolah menengah di daerah Sandakan dan Tawau adalah bagi melihat bagaimana mereka memupuk budaya Bugis dan memasukkan elemen tersebut dalam kalangan pelajar. Budaya Bugis yang melatari guru-guru Bugis dilihat sebagai contoh yang pada akhirnya akan ditransformasikan ke dalam bentuk perbuatan mereka bersama murid di sekolah.

SOROTAN KAJIAN

Guru turut berperanan sebagai pemangkin dalam menggalakkan lagi penyertaan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan bagi membolehkan murid termotivasi dan dapat mengikuti proses pembelajaran dengan lebih berkesan. Antara galakan yang boleh diberikan oleh guru

adalah dengan memberikan penghargaan samada pujian atau dalam bentuk hadiah bagi menaikkan semangat mereka untuk belajar. Guru juga berperanan penting sebagai perantara untuk meminimumkan konflik yang berlaku antara etnik di sekolah dengan mengambil pendekatan kerjasama dan menghormati norma dan budaya orang lain. Oleh itu, guru perlu bijak dalam memainkan peranan dalam memastikan murid-murid berada dalam keadaan yang terkawal dan boleh bersosialisasi secara sihat dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan. Contohnya memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara di kelas untuk membentuk identiti nasional dalam kalangan murid kerana bahasa Melayu boleh dianggap sebagai satu cara penyatuan etnik di bawah satu bahasa kebangsaan untuk perpaduan kaum (Norayu, 2012).

Guru merupakan agen sosialisasi kedua penting selepas keluarga dan dianggap sebagai agen yang berupaya untuk menerapkan elemen perpaduan dan integrasi nasional melalui penyatuan pelbagai kaum di sekolah (Yong *et al.*, 2018). Antara peranan yang boleh dilakukan oleh guru adalah merancang aktiviti berkumpulan yang menggabungkan pelbagai etnik dan gender. Melalui pelbagai aktiviti yang dirancang oleh guru seperti sambutan hari kemerdekaan, bekerja dalam kumpulan yang pelbagai kaum, hari sukan dan juga apa-apa aktiviti yang dijalankan untuk merapatkan hubungan murid dapat menyumbang kepada pemupukan nilai perpaduan dalam kalangan murid (Nur Ayuni Nusaibah dan Amir Hasan, 2019). Secara tidak langsung, ia membawa kesan positif tanpa menimbulkan unsur prejudis antara murid.

Oleh hal yang demikian, di samping penerapan nasionalisme dalam pengajaran dan pembelajaran seperti yang terkandung dalam silibus mata pelajaran yang dibangunkan dalam sistem pendidikan negara, guru melalui interaksi semasa mengajar secara tidak langsung telah menyalurkan ilmu yang mereka ada tidak hanya terhad kepada bidang akademik semata-mata tetapi turut menerapkan nilai-nilai murni. Penelitian yang dilakukan oleh Norazri (2015) ke atas 300 orang pelajar dan 100 pensyarah di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading, Kolej Kemahiran Tinggi MARA Ledang dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA Masjid Tanah menunjukkan bahawa semasa proses pegajaran dan pembelajaran berlangsung, pemindahan nilai murni telah diselitkan secara tidak langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja semasa penerangan berkaitan dengan topik yang diajar tetapi juga melalui penonjolan dari aspek tingkah laku pensyarah itu sendiri.

Penelitian yang dilakukan oleh Sapie *et al.* (2016) pula cuba mengaitkan penerapan nilai murni di institusi pendidikan baik di peringkat sekolah rendah atau menengah dalam negara kepada objektif yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Hasil penelitian mendapati bahawa penerapan nilai-nilai murni dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah perlu dilakukan dan diamalkan secara berterusan oleh guru sepertimana yang telah ditetapkan dalam FPK dan Standard Guru Malaysia. Penerapan nilai-nilai murni kepada murid ini tidak hanya terhad semasa penyampaian sukanan mata pelajaran yang diajar tetapi juga melangkaui luar bilik darjah yang mana guru perlu mewujudkan suasana atau aktiviti yang boleh menerapkan pembentukan nilai murni dalam diri murid. Contohnya melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum yang boleh melibatkan kesemua murid dan guru. Yakcop dan Chua Yan Piaw (2017) telah melakukan kajian berkenaan kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar sekolah menengah yang dipilih secara rawak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terdiri daripada 297 orang pelajar tingkatan empat. Kajian tersebut mempunyai signifikan dan keseimbangan kompetensi guru berasaskan kemahiran membentuk sahsiah pelajar, guru pemudah cara, komitmen guru dalam proses Pdp dan peranan guru mewujudkan motivasi.

Penerapan atau penghayatan nilai murni boleh berlaku dalam pelbagai medium seperti perbincangan, pengalaman, nasihat, tingkah laku, perbualan secara santai atau pun formal dan juga penelitian terhadap persekitaran sosial yang dimiliki oleh seseorang individu sepertimana yang ditegaskan oleh Kermally (2002) menerusi penulisan beliau bertajuk *effective Knowledge Management: A Best Practice Blueprint by Sultan Kermally*. Beliau menyatakan bahawa generasi muda sebenarnya mengalami proses pembelajaran budaya berdasarkan kepada kelompok masyarakat yang berada di persekitaran mereka sebagai satu proses adaptasi demi kelangsungan hidup dan juga ketersediaan menjadi ahli masyarakat tersebut. Kesinambungan tersebut membolehkan penghayatan nilai murni diperolehi secara tidak langsung. Menerusi kajian Bhasah Abu Bakar dan Akma Abd. Hamid (2004) pula menyatakan bahawa faktor jantina, status, sosiekonomi dan personaliti pelajar dengan penghayatan nilai turut menjadi perbincangan yang menggunakan prinsip Sufean (1995), iaitu penghayatan nilai melibatkan intelek, ekonomi, estetika, agama, sosial, moral, kesihatan dan

kewarganegaraan. Kajian tersebut mendapati bahawa hubungan nilai agama dan moral merupakan pengaruh yang besar kepada para pelajar. Seterusnya, Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid (2010) pula mendapati bahawa pembentukan nilai murni dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh jenis dan budaya sekolah, personaliti guru, pengalaman mengajar, subjek dan bidang kepakaran guru. Walau bagaimanapun, pihak sekolah dan guru memainkan peranan yang besar agar dapat membantu pembentukan nilai murni dalam diri pelajar. Oleh yang demikian, pemupukan nilai Bugis dalam kalangan guru di sekolah menengah terpilih menjadi perbincangan dalam kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajian tinjauan deskriptif sebagai asas kepada pengumpulan data kajian. Ia mensasarkan kepada guru sekolah Menengah berbangsa Bugis di beberapa buah sekolah di daerah Tawau dan Sandakan dengan menggunakan persampelan secara pendekatan bola salji (snow ball) disebabkan oleh keterbatasan daripada aspek pergerakan semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dilaksanakan di pelbagai kawasan dalam Negeri Sabah. Justeru, soal selidik kajian ini telah dibina menggunakan aplikasi *google form* dan diedarkan kepada guru etnik Bugis di Tawau dan Sandakan menggunakan *link* yang dihantar melalui *whatsapp*. Daripada *link* borang soal selidik yang diedar, seramai 186 orang guru telah terlibat dalam kajian ini yang mana ia terdiri daripada seramai 97 orang guru wanita dan 89 orang guru lelaki. Semua data daripada item soal selidik yang berjaya dikumpul dianalisis secara deskriptif menggunakan analisis sedia ada yang diperoleh terus daripada maklum balas yang terdapat pada *google form* dan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 21.0 untuk analisis lain seperti *crossstab* untuk melihat hubungan antara variable.

Nilai sebagai Pemangkin Identiti Guru Bugis

Penghijrahan etnik Bugis secara besar-besaran ke Sabah berlaku lebih kurang pada sekitar abad ke-19 dengan menjadi guna tenaga aktif di pelbagai sektor seperti perladangan, perniagaan dan juga perkhidmatan. Penghijrahan ini pada asalnya adalah bertujuan untuk menaiktaraf kehidupan mereka di negara asal dan secara tidak langsung membina penempatan mereka di sini (Asmiaty, 2012; Syed Abdul Razak, 2016). Jaringan sosial menjadi antara pemudah cara kepada etnik Bugis di awal penghijrahan mereka di Sabah dan jaringan sosial juga dianggap sebagai satu bentuk jaminan keselamatan untuk mereka melangkah keluar daripada zon pertempatan asal dan seterusnya mengambil keputusan untuk menetap di sini. Justeru, sebagai satu kaedah pengekalan terhadap budaya dan keharmonian dalam proses penghijrahan dan penempatan kekal, etnik Bugis telah menjadikan budaya mereka sebagai satu cara untuk survival dan beradaptasi dengan norma dan nilai masyarakat tempatan (Asmiaty et. Al, 2020).

Seperti juga etnik-etnik yang lain, budaya menjadikan setiap etnik itu unik dan seterusnya membentuk identiti mereka. Sebahagian besar etnik Bugis yang terdapat di Sabah merupakan generasi yang telah lahir dan membesar di sini. Mereka adalah warganegara Malaysia dan memilih profesion guru untuk mendidik anak bangsa tidak mengira kaum (Asmiaty, 2012). Justeru itu, ketiauan kepada negara menjadikan mereka sebagai warga yang memiliki daya saing tanpa menghilangkan jati diri sebenar mereka (Aishah Tamby Omar & Asmiaty, 2017). Dua prinsip yang sangat menentukan pola kehidupan manusia Bugis, iaitu; pertama, dalam setiap situasi, seorang individu harus sedar tentang kedudukan dirinya dan manusia lain sebagai seorang individu (*Tau*). Setiap individu harus menempatkan dirinya sebagai *Tau*, iaitu makhluk yang mulia berbanding makhluk yang lain. Kedua, sebagai makhluk sosial, manusia memiliki kedudukan atau martabat sehingga mampu memelihara, mempertahankan, dan memperjuangkan martabat kemanusiaannya baik untuk dirinya ataupun untuk orang lain. Kedua-dua prinsip hidup tersebut digunakan manusia Bugis sebagai landasan dalam berperilaku. Sejak dilahirkan, kedua prinsip tersebut telah ditanamkan dalam keluarga agar tindakan seseorang individu menunjukkan dirinya, apatah lagi ketika berinteraksi dengan orang lain.


Penghijrahan orang Bugis ke mana sahaja di dunia ini tentu sahaja turut membawa nilai murni yang mereka miliki demi kesejahteraan hidup mereka dan memudahkan mereka untuk berasimilasi dengan masyarakat lain (Asmiaty, 2012; Asmiaty et.al 2020). Justeru bagi anak-anak Bugis yang telah menjadi guru di sekolah-sekolah memberikan tanggungjawab yang besar untuk menjadi suri teladan

kepada anak murid mereka. Tambahan pula pemupukan nilai murni menjadi matlamat yang perlu dicapai oleh guru-guru di sekolah selaras dengan falsafah Pendidikan negara. Sehubungan itu, walaupun terikat dengan silibus mata pelajaran yang perlu dihabiskan dan aktiviti sekolah, guru sebagai agen sosialisasi telah bertindak sebagai pencorak pola pemikiran dan tingkah laku murid melalui interaksi yang dilakukan baik secara verbal dan juga bukan verbal.

Kajian ini dimulakan dengan soalan umum yang berkaitan dengan kepentingan penerapan nilai murni yang diamalkan oleh guru-guru kepada anak murid mereka. Oleh hal yang demikian, kajian mendapati bahawa seramai 95.2 % iaitu sebanyak 177 responden (lihat Carta Pai 1) bersetuju bahawa penerapan budaya Bugis yang mengandungi nilai murni diaplikasikan ke dalam pendidikan di sekolah semasa mereka melakukan sesi pengajaran dan pembelajaran walaupun ia tidak secara jelas dan nyata disebabkan oleh fokus yang diberikan adalah berkaitan dengan menghabiskan silibus mata pelajaran yang diajar. Ini memberi gambaran bahawa guru telah memberikan pengajaran dan pembelajaran secara dua hala dan ia menjadi faktor pendorong kepada pembentukan sahsiah murid. Baki sembilan orang guru memberikan jawapan tidak pasti.

Kajian menunjukkan bahawa keperluan menerapkan nilai murni terhadap anak murid melibatkan pemanfaatan nilai-nilai sangat yang telah diwarisi daripada leluhur Bugis menerusi *Paseng* (nasihat). Pesan-pesan atau nasihat yang disampaikan murid kepada pelajar merupakan satu tanggungjawab yang besar kepada guru dalam mendidik murid. Kerjaya sebagai satu ibadah dan pertanggungjawaban moral yang menganggap murid sebagai anak sendiri ditekankan dan guru tidak bekerja untuk mendapat habuan gaji semata-mata. Oleh hal yang demikian, berlandaskan kepada *paseng*, guru dilihat cenderung untuk menjalankan tanggungjawab mereka baik secara formal atau tidak formal kepada murid tanpa memikirkan mengira masa. Tanggungjawab tersebut juga tidak hanya tertakluk pada waktu sesi PnP.


Carta Pai 1: Nilai-nilai murni yang diwariskan oleh leluhur Bugis melalui *Paseng* (nasihat) menjadi amalan guru semasa melakukan pengajaran dan pembelajaran secara formal atau tidak formal kepada murid



Tugas menjadi guru juga perlu menerapkan nilai-nilai kejujuran bagi menjamin kestabilan sebuah organisasi dan ia turut menjadi contoh teladan yang sepatutnya ditunjukkan oleh guru kepada murid-muridnya. Bagi masyarakat Bugis, nilai kejujuran yang disebut sebagai '*lempu'* turut membentuk jati diri mereka. Masyarakat Bugis percaya bahawa kejujuran menjadi asas kepada jadi diri kerana dengan kejujuran, seseorang individu akan dipandang tinggi dan disukai oleh orang lain. Justeru daripada elemen '*lempu'*, iaitu lawan bagi kata *belle-pabbelleng* atau bohong, menyarankan masyarakat Bugis agar tidak sesekali menyebabkan orang lain rugi dengan cara mengambil hak orang lain atau melakukan penganiayaan di dalam apa pun tindakan mereka (Asriandi *et al.*, 2021). Dalam konteks kajian ini, dapat dilihat bahawa guru bukan sahaja faham makna nilai '*lempu'* malah menerapkannya dalam kehidupan sehari-hari agar dilihat oleh anak murid dan seterusnya menasihatkan murid agar melakukan perkara yang sama. Ini dapat dilihat dengan bilangan responden, iaitu sebanyak 87.63% yang menyatakan mereka setuju dalam pengamalan elemen '*lempu'* semasa membuat pengurusan berkenaan dengan pekerjaan yang mereka lakukan dan hanya 11.83% sahaja


yang menyatakan sebaliknya dengan memberi jawapan kadang-kadang, tidak pasti dan juga tidak (rujuk Carta Pai 2).

Carta Pai 2: Guru cenderung memupuk budaya Bugis yang membentuk nilai murni utama orang bugis iaitu *lempu'* (kejujuran) semasa mengurus aktiviti pekerjaan



Guru-guru Bugis terkenal sebagai guru yang bijak. Nilai kecendiakawan itu jelas pada kebolehan mereka mengendalikan permasalahan sejak menuntut di sekolah dan universiti. Kebanyakan guru Bugis yang menjadi responden kajian ini merupakan guru pakar dan memegang portfolio penting di sekolah. Oleh hal yang demikian tentu sahaja nilai *amaccang* (kecendekiaan) dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan murid turut diamalkan dalam kerjaya mereka. Kajian mendapati bahawa sebanyak 92.47% responden bersetuju bahawa guru sering mengaplikasikan elemen nilai *amaccang* dalam pengurusan murid (lihat Carta Pai 3) yang mana guru beranggapan bahawa pemilihan jalan penyelesaian yang sesuai semasa berdepan dengan isu berkaitan dengan murid perlu demi kepentingan bersama khususnya masa depan murid itu sendiri. Ini selaras dengan erti kata *Amaccang* yang berasal dari kata *acca*, yang membawa makna pintar atau pandai yang mana ia turut diterjemahkan sebagai satu perbuatan yang diselaraskan dengan pertimbangan pemikiran sebelum melakukan keputusan dan seterusnya berusaha mendapatkan jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang timbul (Nurnaningsih, 2015).

Carta Pai 3: Guru selalu mengamalkan konsep nilai *amaccang* (kecendekiaan) dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan murid



Pengaplikasian budaya Bugis telah dilakukan sejak kecil dan terbawa-bawa ke dunia pekerjaan sehingga ia membentuk identiti diri terhadap nilai *amaccang*. Nilai *amaccang* Bugis diwarisi daripada keluarga dan seterusnya kelompok masyarakat itu sendiri yang diwarisi dan diadaptasi oleh generasi ke generasi demi kemampunan budaya yang berupaya mendidik anak-anak menjadi orang yang berguna kepada masyarakat dan bangsa. Justeru, disebabkan budaya Bugis menjadi pemungkin kepada identiti, pegangan nilai *amaccang* telah menjadi pemudah cara kepada guru dalam mendidik murid. Tambahan lagi dasar pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), telah mensasarkan tiga objektif untuk menambahbaik sistem pendidikan sedia ada. Ini termasuklah pertama, memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia dengan memberi tumpuan terhadap akses kepada pendidikan, meningkatkan standard (kualiti), merapatkan jurang pencapaian (ekuiti), mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid, serta mengoptimumkan kecekapan sistem.


Objektif kedua pula adalah mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas untuk setiap murid dan sistem pendidikan secara keseluruhan bagi tempoh 13 tahun akan datang; Seterusnya ketiga adalah menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam kementerian bagi memenuhi permintaan baharu dan harapan tinggi masyarakat, serta mencetus dan menyokong transformasi perkhidmatan awam. Daripada tiga objektif yang menjadi dasar kepada sistem pendidikan negara ini, dapat dilihat bahawa penerapan terhadap nilai-nilai nasionalisme turut memberi penekanan terhadap peningkatan sahsiah seiring dengan rohani dan intelektual yang menyandarkan kepada guru untuk lebih bersedia dan berusaha dalam menjadikan sekolah sebagai agen sosialisasi yang dapat mengubah tingkahlaku dan pemikiran murid ke arah yang positif dan lebih berdaya saing untuk satu jangka masa yang panjang. Justeru, dalam kajian ini dapat dilihat bahawa peranan guru yang menerapkan budaya Bugis dapat diperhatikan melalui nilai murni Bugis seperti *paseng* (amanat), *lempu'* (kejujuran) dan *amaccang* (kecendekiaan) mempengaruhi tingkah laku murid yang bersifat positif.

Pemindahan Pengetahuan Melalui Suri Teladan Identiti Budaya Bugis sebagai Elemen Nilai Murni

Seajar dengan itu, guru dianggap sebagai suri teladan yang bertindak sebagai penghubung kepada murid dalam pembentukan konsep diri mereka. Ini menjadikan guru sebagai ikon suri teladan melalui identiti budaya Bugis semasa menjalankan kewajipan mereka sebagai guru dengan menerapkan nilai murni. Suri teladan digambarkan sebagai penyebar norma dan nilai dalam mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional kerana budaya yang pelbagai perlu disatukan dalam satu kehidupan yang harmoni demi kesejahteraan negara untuk satu tempoh yang panjang (Yong, 2019).


Menerusi identiti budaya Bugis yang dibawa oleh guru Bugis melalui tingkahlaku dan juga pertuturan mereka, ia dapat membantu murid menjadi insan yang lebih baik selari dengan dasar pendidikan negara. Malah, penerapan atau pemindahan budaya yang berkait dengan nilai murni berlaku di antara guru dan murid dilihat lebih mudah kerana interaksi dan komunikasi melalui sesi pengajaran. Data menunjukkan bahawa sebanyak 96.24% responden bersetuju bahawa identiti budaya Bugis boleh memberi pengaruh terhadap pemindahan pengetahuan melalui suri teladan dan seterusnya membantu murid menjadi insan yang lebih baik berbanding dengan hanya lebih kurang 3.76% sahaja responden (lihat carta pai 4) yang tidak pasti samada budaya Bugis boleh membantu kepada pembinaan tingkahlaku positif murid.

Carta Pai 4: Guru Merasakan Bahawa Prinsip Budaya Dalam Masyarakat Bugis Boleh Membantu Murid Menjadi Insan yang Lebih Baik




Data kajian menunjukkan bahawa guru telah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang berteraskan nilai murni menerusi pelbagai aktiviti yang mampu mencapai matlamat tersebut. Antaranya termasuklah aktiviti gotong royong, sukan, kebudayaan dan juga semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dilaksanakan. Melalui aktiviti ini guru bertindak sebagai fasilitator dan sepanjang aktiviti tersebut berlangsung, guru telah cuba menerapkan elemen budaya Bugis seperti nilai suri teladan melalui penyelesaian masalah yang dihadapi oleh murid, kerjasama dan bertanggungjawab dalam kerja berpasukan agar ia dapat disemai dan diaplikasikan oleh murid di dalam dan luar sekolah. Guru menerapkan nasihat berkenaan survival yang perlu dihadapi, yang perlu dipertahankan, tindakan-tindakan mereka menceritakan kisah pengalaman hidup yang susah untuk dijadikan pengalaman berharga kepada anak murid mereka. Di samping itu, pemindahan suri teladan, dalam kajian ini juga menunjukkan bahawa guru telah mengambil inisiatif dalam menerapkan nilai budaya Bugis dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Susunan kaedahnya mengikut peratus paling banyak adalah dengan menggunakan cara pemberian nasihat, iaitu 71.5% diikuti dengan penceritaan (22.6%), kiasan (4.8%), tingkahlaku dan hadis masing-masing lebih kurang 0.5% (lihat Carta Pai 5).

Carta Pai 5: Teknik Penerapan Budaya Bugis kepada Murid



Kehadiran ini menjelaskan bahawa pemindahan budaya Bugis berlaku dalam pelbagai cara sejajar dengan pandangan Kermally (2002), iaitu pemindahan elemen budaya boleh berlaku dalam pelbagai medium seperti perbincangan, pengalaman, nasihat, tingkah laku, perbualan secara santai atau pun formal. Pemberian nasihat lebih banyak digunakan oleh guru sebagai medium pengukuhan budaya Bugis yang telah membentuk nilai murni dalam kalangan murid. Ia adalah disebabkan kaedah tersebut lebih sesuai diaplikasikan dan teguran guru dengan menggunakan kata-kata yang lembut dapat memberikan rangsangan yang positif kepada murid untuk jangka masa yang panjang. Selain itu, kajian juga mendapat bahawa guru menjadikan asas budaya Bugis sebagai satu bentuk tindakan atau perlakuan semasa berinteraksi dengan murid khususnya ketika di dalam bilik darjah bagi dengan murid khususnya ketika di dalam bilik darjah. Antara asas nilai yang diaplikasikan termasuklah *Assitinajang* (kepatutan), *Reso* (usaha), *Siri' Na Pacce/Pesse*, *Sipurepo'* (berat sama dipikul), *Assimellereng* (nilai kasih sayang) dan *Sipakatau* (nilai hormat menghormati). Asas nilai budaya inilah yang dibawa bersama sebagai identiti budaya Bugis dan pengaplikasiannya secara tanpa sedar telah membawa kepada alternatif guru untuk memupuk nilai nurni. Ini diringkaskan seperti dalam carta alir 1:

Carta Alir 1: Asas Nilai Budaya Bugis yang Diaplikasikan oleh Guru



Ini disokong dengan maklum balas daripada guru (lihat jadual 1) yang mana lebih banyak guru yang bersetuju bahawa guru cenderung untuk memberi galakan kepada murid dengan mengaplikasikan asas nilai budaya Bugis melalui pelbagai cara. Sebanyak 96.8% dan 99.5% guru bersetuju mereka menggalakkan sifat *assitinajang* (kepatutan) dan *Sipakatau* (nilai hormat menghormati) kepada murid semasa melakukan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berbanding dengan mereka yang tidak berbuat demikian, iaitu pada kadar 1.1% dan 0.5% sahaja. Guru juga berpendapat bahawa mereka seringkali menekankan *reso* (usaha) kepada murid untuk meningkatkan daya berfikir mereka di samping menekankan prinsip *Siri' Na Pacce/Pesse* dan *Sipurepo'* (berat sama dipikul) yang diaplikasikan dalam setiap aktiviti murid di sekolah yang mana jumlah responden memberikan maklum balas positif terhadap pernyataan tersebut masing-masing adalah sebanyak 94.1%, 80.1% dan 97.8% berbanding dengan bilangan responden yang tidak pasti yang berada kurang daripada 20% bagi setiap pengaplikasian asas nilai budaya Bugis oleh guru.

Selanjutnya, guru juga dilihat turut memberikan maklum balas positif terhadap pernyataan *Assimellereng* (nilai kasih sayang) yang sering guru tunjukkan kepada murid bagi mewujudkan suasana harmoni dan penerimaan terhadap kekurangan dan kelebihan orang lain, iaitu sebanyak 98.4% berbanding dengan 1.6% yang menyatakan mereka tidak pasti. Keadaan ini secara tidak langsung memberi gambaran bahawa guru membawa identiti budaya mereka dengan menerapkan nilai murni ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dengan menyelaraskannya bersesuaian dengan situasi dan matlamat pendidikan negara demi perpaduan rakyatnya untuk jangka masa panjang.


Jadual 1: Maklumbalas Guru Terhadap Pengaplikasian Asas Nilai Budaya Bugis Berdasarkan Nilai Murni

Perkara	Ya (%)	Tidak (%)	Tidak Pasti (%)	Berdasarkan situasi (%)	Jumlah (%)
Guru menggalakkan sifat <i>assitinajang</i> (kepatutan) kepada murid semasa melakukan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran	96.8	1.1	2.2	-	100
Guru seringkali menekankan budaya <i>reso</i> (usaha) kepada murid untuk meningkatkan daya berfikir mereka	94.1	3.8	1.1	1	100
Prinsip budaya <i>Siri' Na Pacce/Pesse</i> diaplikasikan di dalam setiap aktiviti murid di sekolah	80.1	2.2	16.1	1.5	100
<i>Sipurepo'</i> (berat sama dipikul) turut menjadi amalan kepada guru untuk diterapkan kepada murid melalui pelbagai aktiviti di sekolah	97.8	0.5	1.6	-	100
<i>Assimellereng</i> (nilai kasih sayang) sering guru tunjukkan kepada murid bagi mewujudkan suasana harmoni dan penerimaan terhadap kekurangan dan kelebihan orang lain	98.4	-	1.6	-	-
<i>Sipakatau</i> (nilai hormat menghormati) menjadi amalan yang sentiasa diterapkan kepada murid walaupun di luar waktu sesi pengajaran dan pembelajaran	99.5	-	0.5	-	-

Pedagogi terbaik yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam membentuk keperibadian murid melalui pemupukan nilai murni menjadi penekanan dan membantu peningkatan kefahaman murid berkenaan situasi sebenar yang berlaku di sekeliling mereka. Identiti yang dimiliki oleh guru sebagai sebahagian daripada warganegara Malaysia dapat menjadi alternatif kepada guru yang juga merupakan suri teladan untuk memudahkan mereka menyemai nilai murni dalam kalangan murid. Pemindahan pengetahuan daripada aspek budaya Bugis yang menghubungkan nilai murni Bugis berlaku secara langsung dan tidak langsung mengikut situasi dan tidak terhad kepada verbal tetapi juga melibatkan komunikasi secara bukan verbal, iaitu melalui perbuatan guru sendiri terhadap murid dan persekitaran mereka.

Oleh hal yang demikian, peranan guru sebagai suri teladan boleh diterjemahkan sebagai pelaksana dengan mempraktikkan perkongsian pengetahuan dalam hubungan mencorakkan tingkah laku murid yang berbilang kaum iaitu berupaya untuk bekerjasama dan duduk bersama dalam keadaan harmoni di dalam dan luar bilik darjah. Proses suri teladan yang diterapkan melalui identiti budaya Bugis oleh guru dapat diringkaskan seperti dalam konseptual carta alir 2:

Carta alir 2: Konseptual Proses Peranan Guru Sebagai Suri Teladan Melalui Identiti Budaya Bugis Dalam Membentuk Nilai Murni dalam kalangan Murid



KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa pemupukan budaya Bugis dalam kalangan guru telah berjaya membentuk nilai murni terhadap murid dengan kesan yang positif. Perkara ini dapat dilihat melalui hubungan murid dengan guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran memandangkan guru dilihat sebagai model yang baik. Walaupun identiti atau kefahaman tentang adat tradisi Bugis tidak betul-betul mengakar dalam diri guru-guru generasi baru di Sabah namun pemahaman terhadap nilai jati diri bangsa mereka tetap wujud. Penyaluran nasihat daripada ibua bapa mereka adalah salah satu faktor yang menentukan berlangsung atau tidak, kekal atau tidak pengamalan tersebut dalam kalangan guru-guru tersebut. Sungguhpun terdapat dalam kalangan mereka yang masih ragu atau tidak pasti

tentang hal tersebut, nilai-nilai kesepakatanm kerja keras, kejujuran menjadi tunjang kepada kehidupan mereka. Malah ia dibuktikan menerusi penyaluran nilai-nilai tersebut kepada pelajar-pelajar mereka. Oleh itu, identiti guru Bugis sebagai model pendidik telah berjaya menanamkan budaya Bugis dengan membawakan nilai murni merupakan cabaran yang besar sekali gus memberi sumbangan yang besar kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Aishah Tamby Omar & Asmiaty Amat. (2017). Etika Kerja Etnik Bugis di Sabah: Satu Kajian di Organisasi Awam. MANU. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. Bil 25.
- Asmiaty Amat (penyt). Bugis Sabah. (2012). *Siri Etnik Sabah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
- Asmiaty Amat, Eko Priyatno, Nordin Sakke, Ramli Dollah & Amrullah Maraining. 2020. *peranan Bugis dalam politik Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Asmiaty Amat. (2021). Hubungan etnik di Sabah: Satu kajian terhadap cerpen-Cerpen Terpilih penulis Sabah. *PENDETA. Vol 12* (2), 44-54. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.4.2022>
- Asriandi, Tenriwaru & Asriani Junaid. (2021). Filosofi Budaya Lempu' Na Getteng dalam Perspektif Kepatuhan Wajib Pajak Pelaku Usaha Mikro Kecil Menengah. *Journal of Management*, 4(2), 2021.
- Bhasah Abu Bakar & Akma Abd. Hamid. (2004). Peranan Nilai dengan Perlakuan Diri Pelajar- pelajar Sekolah Menengah. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC), 4-6 September. Langkawi: Hotel City Bayview (Tidak diterbitkan). Di akses daripada <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/1897/1/44.pdf>.
- Kermally, S. (2002). *Effective Knowledge Management: A Best Practice Blueprint by Sultan Kermally*. United State.
- Magesvaran, U., & Mahamod, Z. (2022). Tahap kesediaan dan kekangan yang dihadapi pelajar sekolah menengah dalam pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian menggunakan aplikasi Google Meet. *PENDETA. 13* (1),10-21. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.2.2022>
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. (2020). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19. Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan, hlm. 404-410.Anjuran IPG Kampus Darul Aman
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM - SEA Journal of General Studies* 11, 117-130.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: Perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari* Bil. 3, 61-84.
- Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Isa Hamzah. (2014). Kepelbagaiannya elemen dalam pengajaran pendidikan Islam: Isu dan Kepentingan. *The Online Journal of Education*. Di akses daripada www.o-jie.um.edu.my.
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara. *Penulisan tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nur Ayuni Nusaibah Husin dan Amir Hasan Dawi. (2019). Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI Vol. 12*, 18-28.
- Nurnaningsih. (2015). Asimilasi Lontara Pangadereng dan Syari'at Islam: Pola perilaku masyarakat Bugis-Wajo. *Al-Tahrir*, Vol. 15(1), 21-41.
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip, Mohammad Fuad Ishak, Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman & Mujaini Tarimin. (2016). Konsep penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). *Prosiding Persidangan International Conference On Moslem Society 2016 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*. Bangi.
- Syed Abdul Razak Sayed Mahadi. (2016). Analisis strategi kelangsungan hidup migran pekerja Bugis Indonesia ke Sabah. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu, Royal Asiatic Society, London, 20 September 2016*. London.
- Yong Hie Hie. (2019)., Selangor Malaysia. *Penulisan Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia*. Selangor.
- Yakcop Jantan & Chua Yan Piaw. (2017). Kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar sekolah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Bil 4 (3), 1-12.